



Penduduk mengharungi banjir yang mula naik di Freeport, New York, semalam.



INFO

Taufan Sandy

- ⊗ Lebih lebar dan kuat dari Taufan Irene
- ⊗ Memberi kesan kepada bandar utama negara termasuk Boston, New York, Washington, Baltimore dan Philadelphia.
- ⊗ 10 negeri termasuk Washington, New York, New Jersey dan Connecticut sudah isytihar darurat.
- ⊗ Beberapa syarikat penerbangan umum penangguhan dan pembatalan penerbangan dari dan ke Pantai Timur.
- ⊗ Perniagaan, sekolah dan tempat pelancongan bersejarah termasuk Statue of Liberty ditutup.
- ⊗ Kira-kira 20,000 rakyat Malaysia di bawah pemantauan pejabat Konsul Jeneral Malaysia di New York.



Benteng pasir diletakkan di depan pintu Bursa Saham New York untuk menghalang dimasuki air.



⊗ **Taufan dilapor menuju ke utara** dari Caribbean pada Sabtu dan dijangka beralih ke wilayah Timur Amerika Syarikat.



Ombak memusnahkan kemudahan jeti Avalon Pier di Kill Devil Hills, Carolina Utara, semalam.


60 juta penduduk dari Mid-Atlantic hingga Kanada berada pada laluan taufan



INFO

TAUFAN SANDY

Taufan Sandy yang dijangka melanda Amerika Syarikat pada malam Isnin (Selasa, 9 pagi waktu Malaysia) adalah taufan terbesar melanda republik itu



Taufan Sandy lumpuh AS

» Ratusan ribu penduduk Pantai Timur pindah tempat selamat

✦ New York B/H 30/10/12 MSG

Taufan Sandy, dipercayai paling besar pernah melanda Pantai Timur Amerika Syarikat (AS), semakin kuat semalam ketika ia menghampiri pesisir Pantai Timur negara itu.


Ia sekali gus memaksa beratus ribu penduduk berpindah ke tempat selamat bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Fenomena alam itu juga memaksa pasaran saham AS, Wall Street, ditutup buat pertama kalinya dalam tempoh 27 tahun berikutan masalah cuaca.

Taufan kategori satu itu juga dijangka mengancam aktiviti perniagaan, menyebabkan banjir dan memutuskan bekalan elektrik beberapa hari, kata Pusat Ribut Kebangsaan (NHC) AS semalam.

Sembilan negeri isytihar darurat
Sembilan negeri di AS mengisytiharkan darurat manakala Presiden Barack Obama memberi amaran supaya bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Penganalisis cuaca berkata, Taufan Sandy, yang amat jarang melanda dan luar biasa dianggap ribut 'super hybrid', yang mungkin menyebabkan hujan sehingga 25 sentimeter di beberapa kawasan selain salji sehingga satu meter di Pergunungan Appa-



Chicago O'Hare	8:40p	Cancelled	BA 6815	D8
Dallas Fort Worth	8:40p	Cancelled	BA 6719	D3
Houston George Bush	8:40p	Cancelled	AA 742	D3
Dallas Fort Worth	8:55p	Cancelled	BA 6725	D5
Detroit	8:59p	Cancelled	AA 4486	C5
Nashville	9:00p	Cancelled	AA 4624	D4
Miami	9:05p	Cancelled	BA 7779	D1
St Louis	9:25p	Cancelled	AA 1016	D6
Chicago O'Hare	9:29p	Cancelled	BA 6609	D10
Kansas City	9:29p	Cancelled	AA 359	D10
Atlanta	9:35p	Cancelled	XL 6278	C4
Raleigh-Durham	9:45p	Cancelled	AA 4604	C3
Sunday	7:04PM			October 28



Penumpang terkandas di Lapangan Terbang LaGuardia, New York apabila jadual penerbangan dibatalkan sejak kelmarin akibat Taufan Sandy.

[FOTO REUTERS]



Kaunter Bursa Saham The New York kosong angkara Taufan Sandy.

[FOTO AP]



'Kejutan Oktober' jejas kempen

Washington: Taufan Sandy yang disifatkan sebagai 'kejutan Oktober' berbahaya turut menjejaskan perancangan kempen kedua-dua calon presiden menjelang pilihan raya penting Amerika Syarikat (AS) memabitkan Presiden Barack Obama dan penentangannya, Mitt Romney.

Presiden AS dan pesaingnya dari Republikan itu terpaksa menangguhkan rancangan kempen di negeri yang menjadi laluan taufan gergasi itu, sekali gus menjejaskan strategi sejak berbulan lalu dalam menghadapi persediaan terakhir seminggu sebelum hari pilihan raya sebenar.

"Taufan bakal merosakkan pilihan raya," kata Senator Demokrat Virginia yang juga penyokong Obama, Mark Warner kepada Fox News.

Obama bersama bekas presiden Bill Clinton dilaporkan ke Florida semalam tetapi terpaksa menangguhkan acara di Virginia, Ohio dan Colorado untuk memantau perkembangan taufan dari Rumah Putih.

Beliau menyatakan kebimbangan terhadap rakyat AS yang bakal berdepan dengan bahaya dan secara tersirat bukan mengenai masa depan politik beliau sendiri.

"Jelas sekali keutamaan saya adalah untuk memastikan semuanya memuaskan untuk keluarga dan bersedia. Ia akan meletakkan sedikit beban kepada mereka yang terbabit secara langsung kerana saya tidak akan mampu untuk lebih banyak berkempen dalam beberapa hari

140 KM/j

kelajuan
Taufan Sandy

66

terbunuh
di Caribbean

RM281 bilion

harta awam berisiko musnah

Kapal layar dipukul ombak besar angkara Taufan Sandy di City Island, New York, semalam.
[FOTO REUTERS]



berkempen dalam beberapa hari akan datang," kata Obama kepada pekerja kempen di Florida.

Romney membatalkan kempen di Virginia, satu daripada negeri yang diramalkan dilanda taufan sebaliknya meneruskan kempen di Ohio.

AP

BH 30/10/12 MS 7

Ribut terbesar

Kira-kira 60 juta penduduk dari Mid-Atlantic hingga Kanada berada pada laluan taufan sepanjang 1,600km, di mana pakar meramalkan ia mungkin ribut terbesar melanda AS.

"Ini adalah taufan yang amat kuat dan serius. Kita belum mengetahui ke mana ia akan mabadi, di mana kesan paling besar akan dapat dilihat," kata Obama selepas taklimat di pusat ribut Kerajaan Persekutuan di Washington.

Sehingga semalam, Taufan Sandy membunuh 66 penduduk di Caribbean sebelum menuju ke kawasan pantai AS membawa hujan dan salji di kawasan tanah tinggi.

Reuters

kan hampir semua perkhidmatan di Pantai Timur.

Kerajaan AS meminta pekerja yang tidak terbabit dengan urusan kecemasan di Washington supaya berada di rumah masing-masing.

Sistem transit, sekolah tutup

New York dan beberapa bandar raya lain turut menutup sistem transit dan sekolah selain mengarahkan pemindahan bagi penduduk di kawasan rendah berikutan ombak yang dihasilkan ribut diramalkan mampu mencecah ketinggian 3.4 meter.

Taufan Sandy dijangka membawa angin maksimum berterusan pada kelajuan 140 kilometer sejam (Km/j) dan berada kira-kira 615 kilometer di tenggara New York.

Di Times Square, kebanyakan restoran dan premis perniagaan mula menutup operasi sebelum jam 7 malam berikutan kereta api bawah tanah menutup operasi lebih awal.

lachsen dari Virginia Barat hingga Kentucky.

Sehingga jam 5 pagi semalam, NHC berkata Taufan Sandy berpusat kira-kira 615 kilometer ke tenggara bandar raya New York, iaitu 56 kilometer lebih hampir berbanding laporan tiga jam sebelum itu.

Penduduk yang berada di laluan taufan mula menyimpan barang keperluan, menyiapkan jana kuasa, lampu suluh, bateri, makanan dan bekalan lain bagi menghadapi kemungkinan kekurangan makanan dan ketiadaan bekalan elektrik.

"Hampir 284,000 harta benda awam bernilai AS\$88 bilion (RM281 bilion) berisiko untuk musnah," kata penganalisis di CoreLogic.

Sistem pengangkutan mula ditutup sebagai persediaan menghadapi taufan, 7,000 penerbangan dibatalkan, jambatan dan terowong ditutup manakala pengendali kereta api penumpang kebangsaan, Amtrak menangguh-

INFO

◉ NILAI KEROSAKAN AKIBAT TAUFAN TROPIKA DI AMERIKA SYARIKAT



* Ribut Tropika

Sumber: National Weather Service, National Hurricane Center

REUTERS

BH Digital



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my